

EXTENDED ABSTRACT



ISSN: 2349-9753


INTERTEKSTUALITI DALAM KARYA SASTERA: SUATU PENELITIAN

Mohd Haniff Mohammad Yusoff

(Universiti Utara Malaysia) Email: haniffyusoff25@gmail.com

doi: <https://doi.org/10.33329/joell.6S1.13>

ABSTRACT



Indiyah Prana Amertawengrum dan M. Hum (2010) menyifatkan seseorang pengarang tidak terlepas daripada melibatkan teks-teks lain atau teks-teks terdahulu semasa proses menghasilkan karya. Hal ini menunjukkan wujudnya penglibatan teks-teks lain yang telah wujud sebelum penghasilan teks yang baharu. Oleh yang demikian, pada masa kini wujudnya karya-karya sastera yang membangunkan kembali watak-watak yang pernah wujud dalam naskhah agung sastera lama, cerita-cerita rakyat atau pun cerita-cerita lisan yang pernah kita maklumi sebelum ini. Sehubungan dengan itu, makalah ini akan membincangkan kajian-kajian terdahulu terhadap karya-karya sastera yang melalui proses hubungan antara teks atau intertekstualiti. Hasil penelitian mendapati terdapat banyak kajian hubungan antara teks yang telah dilakukan terhadap karya sastera yang terdiri daripada novel, cerpen dan puisi. Tuan Rusmawati dan Mawar Safei (2016) menyatakan bahawa proses interteks yang berlaku antara teks awal dalam hiperteks membuktikan hayat karya sastera akan terus berpanjangan. Secara tidak langsung, teks baharu merupakan perspektif penulis pada masa kini dari sudut yang berbeza.

Kata Kunci: Kesusastraan Melayu, Intertekstualiti, Penelitian Awal